

## PEMBELAJARAN HADIS DI MAAHAD INTERGRASI TAHFIZ SELANGOR

Mohamad Fuad Bin Haji Ishak<sup>1</sup>, Abu Zaki Bin Ismail<sup>2</sup>, Sapie Bin Sabilan<sup>3</sup>, Suhana Bt Mohamed Lip<sup>4</sup>, Shazarina Bt Zdainal Abidin<sup>5</sup> & Suziana Hanini Bt Sulaiman<sup>6</sup>

[fuadishak@kuis.edu.my](mailto:fuadishak@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [abuzaki@kuis.edu.my](mailto:abuzaki@kuis.edu.my)<sup>2</sup>, [sapie@kuis.edu.my](mailto:sapie@kuis.edu.my)<sup>3</sup>,  
[suhana@kuis.edu.my](mailto:suhana@kuis.edu.my)<sup>4</sup>, [shazarina@kuis.edu.my](mailto:shazarina@kuis.edu.my)<sup>5</sup>, [suziana@kuis.edu.my](mailto:suziana@kuis.edu.my)<sup>5</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### Abstrak

Hadis merupakan pembelajaran yang penting dalam pengajian Islam selepas pengajian al-Quran. Sehubungan itu, Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerapkan pelaksanaan konsep pembelajaran abad ke 21 (PAK21) dalam semua mata pelajaran. Namun, pendekatan yang digunakan oleh guru masih menggunakan kaedah tradisional dan kekurangan maklumat inovasi dalam pengajaran terkini serta kurang penekanan terhadap aspek penglibatan pelajar. Oleh yang demikian, penulisan artikel bermatlamat mengenalpasti penerapan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran hadis dan mengenalpasti faktor yang mendorong kepada penerapan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran hadis. Penyelidikan Kualitatif berbentuk diskriptif digunakan dengan menemubual 4 orang guru sebagai responden kajian yang mewakili empat buah sekolah Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor(MITS). Dapatan kajian dianalisis melalui kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sebahagian pendekatan pembelajaran abad ke 21 digunakan dalam pengajaran hadis. Manakala faktor latihan guru, sikap guru dan prasarana merupakan faktor utama dalam mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 di sekolah.

Kata kunci ; Hadis, PAK21 & Guru Pendidikan Islam

## 1.0 PENGENALAN

Hadis merupakan pembelajaran yang penting dalam pengajian Islam selepas al-Qur'an. Ia berperanan sebagai memberi penjelasan kandungan-kandungan asas dalam al-Quran.(al-Qattan 2007). Pembelajaran hadis secara formal di Malaysia telah diterapkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) oleh Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum ini perlu diajar kepada semua pelajar beragama Islam disemua sekolah sama ada sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Bantuan Kerajaan, sekolah swasta dan sekolah-sekolah dibawah pentadbiran kerajaan negeri. Sehubungan itu, Salah satu sekolah dibawah kerajaan negeri ialah Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor Jabatan Agama Islam Selangor.

Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor Jabatan Agama Islam Selangor diwujudkan berkonsepkan pendidikan Holistik yang menggunakan sistem pendidikan KSSM (Kurikulum Bersepadu Dini) dan sukatan Tahfiz. Ia bertujuan melahirkan satu generasi ulama' dan protaz (Profesional dan Ustaz) yang cemerlang dari aspek akademik dan pengetahuan agama. Al-Quran bukan sahaja dapat dibaca dan dihafaz bahkan dapat diamalkan sehingga menjadi darah daging dalam kehidupan seharian.(MITS Klang JAIS, 2020) Bagi melahirkan pelajar yang dapat memahami dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan maka mereka perlu memahami hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Maka, perkara ini memerlukan pendekatan pengajaran guru hadis

yang berkesan khususnya pembelajaran abad ke 21 agar dapat memberi impak positif kepada pelajar.

Pendekatan tradisional masih relevan untuk dilaksanakan dalam pembelajaran hadis, Namun melalui pelaksanaan KSSM, setiap guru perlu menerapkan PAK 21 dalam kaedah pembelajaran pelajar di sekolah. Gabungan pendekatan tradisional dan baru akan menjadikan pembelajaran pelajar lebih menarik dan berkesan. Oleh demikian, penulisan ini akan memfokuskan kajian terhadap penerapan pendekatan pengajaran melalui pembelajaran abad ke 21 di kalangan guru-guru hadis Maahad Intergerasi Tahfiz Selangor.

## **2.0 KEPENTINGAN AL-HADIS TERHADAP PELAJAR TAHFIZ AL-QURAN**

Hadis merupakan pembelajaran yang penting dalam pengajian Islam selepas pengajian al-Qur'an. Setiap pelajar atau individu yang menghafal dan memahami al-Quran perlu mempelajari dan memahami hadis Rasulullah s.a.w. Al-'Abdali (2018) menjelaskan beberapa kepentingan mempelajari hadis Rasulullah s.a.w. antaranya;

- a) Menjelaskan dan memperincikan ayat-ayat alquran yang bersifat umum
- b) Membaca al-hadis dengan betul dan memberi makna melalui bacaan hadis
- c) Menyatakan perbezaan antara al-Quran dan hadis dan serta kedudukan hadis dalam agama Islam.
- d) Menjelaskan kepentingan hadis dalam menyelesaikan beberapa perkara yang dihadapi oleh orang Islam
- e) Membuat peneguhan dan menganalisis nas-nas yang terdapat dalam ayat al-Quran dan al-hadis
- f) Menjelaskan makna hadis melalui gaya bahasa yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w
- g) Mengenal pasti al-hadis yang diterima dan yang ditolak
- h) Memahami maksud-maksud hadis secara tepat mengikut sesuatu yang dikehendaki oleh syarak
- i) Mencontohi sifat Rasulullah s.a.w melalui hadis
- j) Mengambil pengajaran dari hadis untuk diaplikasi dalam kehidupan murid.

Manakala al-Ghouri (2017) menjelaskan ilmu hadis perlu dipelajari kerana merupakan sebaik-baik ilmu selepas al-Quran. Ia merupakan penerang dan pentafsir bagi kitab Allah yang telah diturunkan supaya mereka lebih memahami dalam beribadah kepada Allah.

Maka umumnya hadis berfungsi sebagai memberi penjelasan dan memperincikan ayat-ayat al-Quran yang bersifat umum agar lebih difahami isi kandungan, perintah dan larangan Allah s.w.t. Pelajar-pelajar yang menumpukan kepada hafalan al-Quran juga memerlukan tafsiran melalui hadis-hadis untuk mendalami kefahaman ayat-ayat yang dibaca.

## **3.0 MATLAMAT KURIKULUM HADIS DI MAAHAD INTERGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)**

Kurikulum hadis di Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tiada mata pelajaran khusus dalam bidang hadis, walau bagaimanapun bidang hadis digabungkan dengan beberapa bidang lain seperti tauhid, sirah, tafsir al-Quran dalam mata pelajaran Usul al-din. Matlamat pembelajaran hadis melalui kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah pelajar dapat memahami, menguasai kemahiran membaca teks al-hadis, menghafal teks al-hadis serta mengambil pengajaran dari al-hadis.(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Jadual 3.1 : Kandungan Matlamat Ilmu Hadis Mata Pelajaran Usul al-Din KBD

<b>Matlamat Pembelajaran Ilmu Hadis</b>	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>
Membaca Teks hadis Pilihan	X	X	X	X	X
Memahami Teks hadis pilihan	X	X	X	X	X
Menghafal teks hadis pilihan	X	X	X	X	X
Memahami Perkembangan Ilmu hadis, Jenis, Kitab hadis & hadis palsu			X	X	X
Memahami dan mengambil pengajaran serta mengamalkan hadis				X	X

Sumber : Dokumen Standard Kurikulum & Pantaksiran Usul al-Din (KBD) 2017

Berdasarkan jadual di atas setiap murid bermula tingkatan satu sehingga tingkatan lima perlu menguasai dalam bacaan, kefahaman dan hafalan teks hadis yang telah ditentukan dalam silibus. Setiap tahun pelajar akan mempelajari teks hadis yang berbeza mengikut tema-tema atau maudu' yang telah ditentukan oleh pihak kementerian pendidikan. Manakala bagi tahap tingkatan empat dan tingkatan lima, pelajar diberikan tambahan ilmu hadis *dirayat* yang membincangkan berkaitan perkembangan ilmu hadis, jenis-jenis hadis, kitab-kitab hadis yang muktabar dan jenis kategori hadis palsu. Disamping itu juga pelajar diminta untuk mengambil pengajaran dan mengamalkan hadis dalam kehidupan.

#### 4.0 PENDEKATAN PEMBELAJARAN HADIS TURATH

Pembelajaran hadis telah berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w di mana para sahabat mempelajarinya secara terus dari Rasulullah s.a.w. Pendekatan pada zaman tersebut adalah secara talaqqi melalui syarahan (qauli), tunjukcara (fi'li), pengakuan (taqrir) dan sifat yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w (al-Ghouri 2017; al-Qattan 2007). Seterusnya pendekatan melalui penulisan dan pembukuan hadis dilaksanakan oleh para sahabat setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. Pendekatan ini diteruskan oleh generasi berikutnya oleh para ilmuan yang banyak memfokuskan kepada penyampaian, syarahan, mengambil hukum dan pengajaran serta kajian terhadap perawi hadis (al-Ghouri 2017; al-Thahhan 1985). Oleh itu, pendekatan penerimaan dan penyampaian hadis yang dinyatakan oleh para ilmuan dalam kitab *musthalah al-hadith* terdapat lapan metode penyampaian hadis (Muhammad Fairuz et.al 2016; Ibn al-Salah. t.t), iaitu ;

- 1) Metode *as-samaa'* ialah seorang syeikh membacakan hadith kepada para pelajar samada syeikh itu membacakan hadith mengikut hafalannya atau catatannya dan para pelajar mendengar sambil mencatatkan hadith atau hanya mendengar sahaja tanpa mencatatnya
- 2) Metode *al-qiraah 'ala asy-syeikh* ialah para pelajar membentangkan bacaan hadith daripada hafalannya atau kitab yang telah disemak oleh syeikh. Bacaan tersebut hendaklah berlaku dihadapan syeikh sambil akan ditashihkan oleh syeikh berdasarkan ingatannya atau kitabnya yang asal atau kitab yang telah *ditashih*.
- 3) Metode *al-ijazah* ialah seorang syeikh memberikan keizinan untuk meriwayatkan hadith sama ada keizinan itu dalam bentuk ucapan atau catatan. Keizinan amat penting kerana membuktikan kepercayaan syeikh kepada pelajarnya untuk menyampaikan hadith.
- 4) Metode *al-munawalah* bermaksud seorang syeikh memberikan atau menghulurkan kepada para pelajarnya sebuah hadith atau beberapa hadith atau sebuah kitab supaya meriwayatkannya.
- 5) Metode *al-mukatabah* bermaksud seorang syeikh menulis dengan tulisannya sendiri atau syeikh menyuruh salah seorang daripada pelajarnya untuk menulis hadith riwayatnya untuk diberikan kepada para pelajar yang hadir atau pun tidak hadir dan dikirimkan catatan tersebut kepada pelajar yang tidak hadir melalui orang yang *thiqah* (Muhiden Abd. Rahman,2010)

- 6) Metode *al-i'laam* bermaksud metode *al-i'laam* ialah pemberitahuan. Hal ini merujuk kepada seorang syeikh memberitahu para pelajarnya bahawa hadith ini atau kitab ini merupakan riwayatnya yang didengarinya daripada fulan bin fulan tanpa dinyatakan keizinan meriwayatkannya atau sebaliknya (Muhiden Abd. Rahman,2010)
- k) Metode *al-washiyyah* ialah seorang syeikh berwasiat kepada seseorang mengenai kitab catatannya sebelum dia pergi bermusafir atau sebelum kematiannya (al-Thahhan,1985).
- l) Metode *al-wijadah* bermaksud hadith yang diterima melalui penemuan samada ditemui daripada kitab atau *shahifah* dan sebagainya tanpa adanya *al-sima'*, *al-ijazah* atau *al-munawalah* (Mohd Muhiden Abd. Rahman, 2010)

Keseluruhan lapan metode yang dinyatakan dalam pendekatan penyampaian hadis oleh sheikh atau guru kepada muridnya adalah bersifat talaqqi, syarahan dan penulisan hadis. Pendekatan ini masih digunakan dan perlu digabungkan dengan pendekatan terkini yang sesuai dengan zaman kini tetapi masih mengekalkan matlamat dalam pembelajaran hadis tersebut.

## 5.0 PENDEKATAN PEMBELAJARAN ABAD KE 21

Amalan pendekatan pembelajaran abad ke 21 (PAK21) diterapkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sebagai satu langkah tranformasi pendidikan kini. Pendekatan PAK21 ini ditakrifkan sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika.(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Seterusnya, berdasarkan peraturan-peraturan kurikulum kebangsaan 1997 pula diwujudkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang mempunyai pembelajaran hadis dalam mata pelajaran Usul al-Din bagi menyelaraskan dan menambahbaik pembelajaran agama Islam di negara ini.

Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 yang diterapkan dalam pelaksanaan KBD mesti bertunjangkan kepada empat asas utama iaitu: pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran secara kolaboratif, pembelajaran secara kontekstual dan pembelajaran yang melibatkan komuniti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017 ;Osman, 2016). Disamping itu, pembelajaran murid perlu disepadukan dengan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai bahan bantu dalam pendekatan pengajaran guru. Penggunaan teknologi ini akan membantu dan menyokong pelajar dalam kemajuan pembelajaran abad ke 21.(Norazlin, 2019 ; Amran, 2017).

Pembelajaran Abad ke 21 juga menekankan konsep pendekatan *learning by doing* dikalangan pelajar. Oleh dekimian guru harus menguasai kemahiran pedagogi dan kemahiran penggunaan teknologi dalam pengajaran. Menurut Ariffin (2017) guru yang dapat melaksanakan pengajaran amalan pedagogi yang berkesan, menarik dan interaktif dapat memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 mengikut standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditentukan oleh pihak KPM. Hal ini perlu dilaksanakan juga oleh guru dalam pengajaran hadis Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dengan menggabungkan pendekatan pembelajaran abad ke 21 pendekatan tradisional agar dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

## 6.0 LATARBELAKANG MASALAH

Pembelajaran bidang ilmu hadis Maulana Muhammad Ilyas (2017) menyenaraikan beberapa permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis dijalankan antaranya tempoh masa mengajar tidak mencukupi. Selain itu, kebanyakan guru berpandukan buku teks semasa sesi pengajaran dan kurang merujuk kepada rujukan yang *turath*. Pihak pengurusan sekolah pula tidak menyediakan bahan bantu yang mencukupi bagi guru dan murid

serta kekurangan latihan kepada para guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Malah ditambah sikap guru kurang menggunakan bahan bantu semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Antara permasalahan yang timbul dalam pengajian hadis di peringkat sekolah adalah peruntukan masa belajar yang terhad, kelemahan sistem pembelajaran yang hanya menggunakan buku teks sebagai rujukan, dan kekurangan buku teks yang khusus untuk pengajian hadis di peringkat sekolah. Kajian Qutrennada (2017) dalam pengajaran hadis menjelaskan tentang guru lemah dalam menguasai kesemua kemahiran kaedah P & P dan tidak kreatif serta kurang mahir mengajar serta memerlukan bantuan di tahap yang tinggi untuk mempertingkatkan kemahiran mengajar.

Pendekatan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran hadis di sekolah masih terikat dengan kaedah tradisional iaitu kaedah pengajaran berpusatkan kepada guru berbanding pemusatan terhadap pelajar. Di samping isu yang sering ditemui dalam proses pengajaran dan pembelajaran hadis ialah guru tidak menguasai metode yang tepat (Reka Wibawa 2010).

Kesan daripada permasalahan-permasalahan tersebut menyebabkan para pelajar sukar untuk menguasai subjek-subjek yang diajar. Selain itu, para pelajar juga akan mudah merasa bosan semasa proses pembelajaran dan kurang berminat untuk mendalami subjek yang dipelajari (Maulana Muhammad Ilyas, 2017). Pembelajaran murid menjadi pasif serta tidak berdaya saing (Qutrennada, 2017 ; Yohan et al,2012). Zaliha Haji Ibrahim (2001) dalam kajiannya mendapati pembelajaran hadis kurang mendapat sambutan disebabkan kelemahan dalam kaedah pengajian hadis. Tambahan pula masih belum terdapat kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terkini dalam bidang hadis (Azhariah Zulkarnaini, 2005) sehingga menyebabkan iklim pembelajaran yang kurang kondusif (Reka Wibawa 2010).

Pihak pentadbiran sekolah pula tidak menyediakan bahan-bahan bantu mengajar (BBM) secukupnya (Hatifah,2000) disamping kurangnya bimbingan dan latihan yang sewajarnya terhadap guru-guru (Qutrennada, 2017). Para guru juga masih kerap menggunakan kaedah kuliah / syarahan dengan menggunakan buku teks. Selain itu, guru-guru juga didapati kurang menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) sendiri kerana tidak berkemahiran dalam menyediakannya menyebabkan para guru tidak menggunakan bahan-bahan tertentu dalam proses pengajaran. Implikasinya, para pelajar mudah merasa bosan semasa proses pembelajaran dan menyebabkan kurangnya minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

## **7.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk ;

- i. mengenalpasti penerapan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran hadis
- ii. mengenalpasti faktor yang mendorong kepada penerapan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran hadis

## **8.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kualitatif berbentuk diskriptif dengan menggunakan Instrumen protokol temubual terhadap 4 orang guru mata pelajaran usuluddin untuk mendapatkan data. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan status guru yang bertanggungjawab mengajar hadis dalam mata pelajaran usul al-Din di sekolah.

Lokasi kajian adalah empat buah sekolah Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor yang merupakan sekolah dibawah pentadbiran bahagian pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pelajar-pelajar sekolah ini akan mempelajari mata pelajaran merangkumi tiga kurikulum utama iaitu akademik, Dini dan Tahfiz. Berbanding dengan jenis aliran kebangsaan

seperti sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) yang diberi pilihan samada kurikulum Dini atau kurikulum tahfiz sahaja.

Data temubual dianalisis melalui kaedah tematik dengan memilih setiap unit yang telah di transkripsi untuk dikelompokkan dibawah tema tertentu. Manakala item-item yang tidak memberi makna disingkirkan. Seterusnya rumusan dibuat melalui dapatan data dari analisis temubual tersebut.

## 9.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 9.1 Latarbelakang Responden

Hasil dari temubual empat orang sampel dalam kalangan guru pendidikan Islam yang mengajar bidang hadis dalam mata pelajaran Usul al-Din. Latarbelakang guru merupakan salah satu faktor dalam memberi kesan terhadap pembelajaran murid.

Jadual 9.1 : Latarbelakang Responden

Latarbelakang	Guru 1 SBK	Guru 2 AI	Guru 3 SPG	Guru 4 KL
1. Bidang Pengajaran al-Hadis	X			X
2. Pengetahuan PAK 21			X	
3. Berkemahiran menguruskan Bahan Teknologi Pendidikan		X	X	X

Jadual menunjukkan tiga item latarbelakang guru pendidikan Islam dalam penagajaran hadis. Bidang pengajaran hadis merujuk kepada kepakaran guru tersebut dalam mengajar hadis. Hanya dua responden sahaja mempunyai kepakaran dala bidang hadis. Manakala dua responden yang lain adalah tidak mempunyai kepakaran yang hanya diarahkan oleh pengurusan sekolah mengajar bidang tersebut. Guru bukan bidang hadis hanya mengambil kira pengalaman dan kemahiran bahasa arab. Sedangkan ilmu hadis merupakan satu bidang khusus yang perlu dikuasai oleh guru yang mengajar. Ini ditunjukkan dari temubual berikut;

GPI/AI (0322): *Okay sejujurnya saya memang tak ada pengalaman mengajar subjek hadis secara apa tu kita panggil secara formal. Tapi sebabnya saya punya majoring memang in Arabic. Tetapi disebabkan pentadbir meminta dan saya dengan berat hati dan terpaksa untuk redha terpaksa mengajar subjek Usuluddin. Jadi teruskan..* GPI/AI 2019 : 322

GPI/SBK (2847): *campur-campur. Kalau ustazah tadi tu USIM, tapi dia lughah Arabiyah, tapi dia daripada STPM usuluddin.. Ustaz Syukri maharat lah kan.. Cuma akhirnya dia syariah di irbit, jordan, dia sambung.* GPI/AI 2019 : 2847

Dari aspek penggunaan teknologi pendidikan pula menunjukkan tiga orang guru mempunyai pengalaman kemahiran mengurus bahan teknologi pendidikan dalam pengajaran. Kemahiran ini dapat memudahkan guru melaksanakan PAK21 dalam pembelajaran murid.

### 9.2 Pendekatan guru

Pendekatan pengajaran yang berkesan memberi impak positif pada pembelajaran murid. Oleh itu, kepelbagaian pendekatan melalui gabungan moden dan tradisional menjadikan pembelajaran murid lebih bermakna dari aspek pembangunan diri mereka. Walaubagaimana pun tumpuan kajian ini adalah untuk melihat pendekatan pembelajaran abad ke 21 sepertimana yang telah di gariskan dalam dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

(PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Maka empat pendekatan pembelajaran Abad 21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017 ;Osman, 2016) yang dikaji terhadap guru ialah pembelajaran secara kolaboratif, pembelajaran secara kontekstual dan pembelajaran yang melibatkan komuniti.

Jadual 9.2; Pendekatan Pembelajaran Abad ke 21 Guru Pendidikan Islam

Pendekatan	Guru 1 SBK	Guru 2 AI	Guru 3 SPG	Guru 4 KL
Pembelajaran Berpusatkan Murid	X	X	X	X
Pembelajaran Kolaboratif				X
pembelajaran Secara Kontekstual		X	X	
Pembelajaran Melibatkan Komuniti				

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan empat pendekatan pengajaran oleh guru. Semua responden melaksanakan pembelajaran berpusatkan murid. Manakala dua orang responden menerapkan pembelajaran kontekstual dan satu responden melaksanakan pembelajaran secara kolaboratif. Pendekatan pembelajaran melibatkan komuniti tidak diadakan dalam pembelajaran hadis ini.

Pembelajaran berpusatkan murid adalah salah satu pembelajaran Abad ke 21 yang digunakan oleh guru melalui pelbagaian aktiviti pembelajaran dapat mengelakkan kebosanan dalam pembelajaran hadis di sekolah. Ini ditunjukkan dari temubual berikut;

GPI/SPG (0604): *Ok. Kat sini kita akan pelbagaikan cara. Tak tentu. Ada yang ada waktu kita akan gunakan student centre learner/learning dengan teaching centred learning kan. Okay. Ada waktu ketika kita tengok kesesuaian tajuk dan juga keadaan. Kalau berpusatkan kepada pelajar contohnya kita gunakan yang abad 21 tu lah.* GPI SPG 2019 : 604

GPI/AI (0511): *ha ada saya biasa gunakan soal jawab dan kuiz lah, sebabnya nek mengelak pelajar rasa bosan, pelbagai kan aktivitilah pelajar.* GPI AI 2019 : 511

Disamping itu, murid belajar hadis melalui kaedah permainan melalui aktiviti yang dijalankan dan pembentangan tugasan projek oleh murid.

GPI/SPG (0714): *...gunakan game contohnya kita panggil wooden block, kan kita panggil siapa yang, dan setiap wooden block tu pun ada markah-markah dia sendiri, so bila student tarik soalan apa yang sesuai dengan markah tu level mana kesusahan dia. So bila dia boleh jawab ada markah.* GPI SPG 2019 : 714

GPI/KL (0608): *...Kemudian kaedah saya mengajar memang saya suruh pelajar yang bentang. Sebab bagi saya bila pelajar membentang bab tersebut dia akan study betul-betul. Dia akan study dan dia akan paham bab tersebut dan dia akan bentang saya Cuma dengar, betulakan bantu mana yang boleh dibantu lah.* GPI KL 2019 : 608

Walaubagaimana pun tidak dapat dinafikan masih terdapat guru yang masih menggunakan pendekatan tradisional khususnya kaedah hafalan yang merupakan asas dalam pembelajaran ilmu agama Islam khususnya ilmu hadis. Ini ditunjukkan dari temubual berikut;

GPI/SBK (2159): *tingkatan 1. Wajib hafal, sampai form 5 dia orang dah ada 5 la tu...* GPI SBK 2019 : 2259

GPI/SBK (0726): *..dia Cuma pilih-pilih tajuk kemudian dia punya Mi'yar ta'lum tu kena hafal, hadis tu semua kena hafal tapi dia tak 40 tajuk 40 hadis tu tak wajib.*

GPI SBK 2019 : 726

### 9.3 Penggunaan Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK)

Penggunaan Teknologi Maklumat & Komunikasi perlu diadakan seiring dengan pendekatan pembelajaran abad ke 21. Penggunaan teknologi ini merupakan salah satu bahan bantu dalam menyokong pembelajaran murid. Penggunaan computer, LCD, telefon pintar, video dan laman web sangat membantu guru dan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 9.3 : Penggunaan Bahan Teknologi Maklumat & Komunikasi

Bahan Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK)	Guru 1 SBK	Guru 2 AI	Guru 3 SPG	Guru 4 KL
Komputer & LCD			X	X
Video Pembelajaran			x	x
laman web				X
Telefon pintar			X	

Jadual di atas menunjukkan penggunaan TMK oleh guru pendidikan Islam dalam pengajaran hadis. Hanya dua orang responden menggunakan komputer, LCD dan video pembelajaran dalam pengajaran hadis. Manakala hanya seorang responden menggunakan laman web dan telefon pintar sebagai medium pengajaran.

Pembelajaran abad ke 21 menekankan penggunaan teknologi dalam pembelajaran murid. Ia bertujuan menarik minat dan menambah keberkesanan pembelajaran murid. Kajian mendapati murid menggunakan teknologi dalam pembelajaran hadis di sekolah. Syed Najihuddin (2015) menyatakan penggunaan teknologi dalam pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar tidak bercanggah dengan pengajian bidang keagamaan. Pelajar juga boleh mendapatkan hasil yang optimum semasa belajar. Pembelajaran menggunakan video, komputer dan LCD ditunjukkan dalam temubual ini;

GPI/SPG (0714): *....kami gunakan contohnya tayangan video yang sesuai dengan pengajaran, contohnya hadis dan sebagainya, jadi kami gunakan video.*

GPI/SPG 2019 : 714

GPI/KL (0608): *Erm.. macam saya saya guna kaedah PDP tu menggunakn BBM saya LCD lah memang kita ada siapkan power point untuk pelajaranlah sebab subjek ni tak semua minat jadi kita perlu satu yang menarik perhatian pelajar.*

GPI/KL 2019 : 608

Namun begitu, masih terdapat juga guru tidak menggunakan teknologi dalam pembelajaran murid. Guru lebih gemar menggunakan pendekatan menggunakan kitab sebagai medium pembelajaran murid. Temubual ini menunjukkan sikap guru yang tidak menggunakan bahan TMK dalam pengajaran;

GPI/AI (0946): *..Kalau untuk hadis tak silap saya guru tu menggunakan rujukan lain rujukan tambahan yang bahasa melayu huraiannya lebih mendalam lah supaya pelajar itu dapat lebih faham hadis tu dengan lebih tepatlah.*

GPI/AI 2019:0946.

GPI/AI (1031): *Power point setakat ni untuk pelajar tak ada.*

GPI/AI 2019:1031.

GPI/SBK (1433): *Bantuan mengajar? Apa? Kitab je lah.*

GPI/SBK 2019:1433.

Kajian ini menyokong pandangan Muhamad Fairuz (2016) dengan menyatakan guru lebih gemar menggunakan buku dan papan putih semasa proses pembelajaran hadis walaupun kemudahan LCD disediakan kepada tenaga pengajar.



## 10.0 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI

Kajian mendapati terdapat tiga faktor utama terhadap tahap pelepasan pendekatan pembelajaran abad ke 21 (PAK21) dan penggunaan Teknologi Maklumat & komunikasi (TMK) oleh guru pendidikan Islam. Faktor-faktor tersebut ialah Faktor latihan guru, sikap guru dan kemudahan prasarana di sekolah.

### 10.1 Latihan Guru

Berdasarkan data latarbelakang guru, pengkaji mendapati hanya seorang sahaja yang mempunyai pengetahuan terhadap pembelajaran abad ke 21. Latihan perguruan dari aspek PAK 21 perlu diberikan terhadap guru agar hasil pembelajaran selaras dengan perkara yang telah dirancang oleh pihak Kementerian Pendidikan. Faktor ketiadaan latihan khusus dalam pengajaran menyebabkan pelaksanaan PAK21 tidak dilaksanakan dalam pembelajaran murid. amalan guru adalah berdasarkan inisiatif diri guru yang mengajar bidang hadis tersebut. Ini dibuktikan melalui temubual ;

GPI/KL (2559): *Tak ada...hahah tak ada. Memang itu lah yang diminta daripada dulu tapi memang tak pernah dapatlah. Tak pernah lah, sebab saya memang bukan bidang saya saya pun tak pernah amik SMA tetiba saya kena mengajar SMA memang saya kena belajar lah ..inisiatif sendirilah.. ye betul.*  
GPI/KL 2019 : 2559

Manakala guru yang mempunyai pengetahuan berkaitan PAK 21 akan berusaha melaksanakannya dengan baik melalui pembelajaran bepusatkan murid dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menarik.

### 10.2 Sikap Guru

Terdapat Sikap guru yang bermotivasi tinggi dengan menggunakan pendekatan PAK 21 dan TMK dalam pengajaran. Namun, masih terdapat segelintir guru yang selesa dengan amalan pendekatan tradisional walaupun bahan bantu telah disediakan oleh pihak sekolah. Ini dibuktikan melalui temubual ;

GPI/SBK (1439): *ada..papan hitam whiteboard, LCD jarang guna, jarang guna. LCD ada. Kalau kita nak pakai nak buat seminar kita ada.*  
GPI/SBK 2019:1439

GPI/SBK (2214): *...selalunya kadang guna chalk and talks saje kan.*

GPI SBK 2019 : 2214

### 10.3 Kemudahan Prasarana

Kemudahan prasarana masih tidak mencukupi pada sekolah yang baru dibina, dan juga keadaan sekolah lama masih kurang dilengkapi dengan prasarana yang lengkap. Maahad Intergerasi Tahfiz Selangor merupakan sekolah di bawah pengurusan pihak Jabatan Agama Islam Selangor.

GPI/SPG (0714): *okay, sebenarnya sekolah ni pun sekolah yang baru dan banyak prasarana yang belum mencukupi lagi untuk memajukan dalam bidang PNP/PDP,*

GPI/SPG 2019 : 714

## 11.0 KESIMPULAN

Terdapat pendekatan pembelajaran abad ke 21 yang diamalkan kepada murid seperti, pembelajaran berpusatkan murid, kaedah pembentangan projek, pembelajaran melalui permainan, penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan aktiviti-aktiviti melalui kuiz. Namun, guru masih lagi menggunakan pendekatan tradisional seperti kaedah hafalan, penggunaan kitab dan pembelajaran berpusatkan guru. Tiga faktor utama yang dikenalpasti ialah faktor latihan guru dalam bidang hadis dan PAK 21, sikap guru terhadap pelaksanaan PAK21 dan faktor kekurangan prasarana yang lengkap mempengaruhi amalan pembelajaran abad ke 21.

## 12.0 RUJUKAN

- Al-Adeli, Hisam Abd al-Malik. 2008. Taraiq Tadris al-Hadis al-Nabawi al-Sharif. Iraqi Academic Scientific Journals 2008, Volume , Issue 72, pages 155-213
- Al-Ghouri, Syed Abdul Majid. 2017. Al-Muyassar Fi 'Ilm Mustalah al-Hadith. Bandar Baru Bangi : Darl Syakir Enterprise
- al-Qattan, Manna' Khalil. 2007. Mabahith Fi 'Uloom al-Hadith. Kaherah: Maktabah Wahbah
- al-Tahhan, Mahmud. 1985. Taisir Mustalah al-Hadith. Iskandariah: Markaz al-Huda Lil dirasat.
- Amran, N., & Rosli, R. (2017). Teachers' Understanding in 21st Century Skills. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan.
- Ariffin, N. A., & Yunus, F. (2017). Kesiediaan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan KBAT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
- Azhariah Zulkarnaini. 2005. Metodologi Pembelajaran Hadith di Riau. Tesis Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hajah Zaliha Haji Ibrahim. 2001. Pengajian Hadis: Metodologi dan Perlaksanaannya di Beberapa Institusi Pendidikan di Brunei Darussalam. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hatifah Binti Yussof. 2000. Pendidikan Syariah Islamiyyah : Satu Kajian Tentang Permasalahan Dalam Pengajaran Di Sekolah Agama Dan Harian (Kem. Pendidikan) Dan Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri Di Selangor. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ibn al-Salah. t.t. Muqaddimah Ibn al-Salah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Usul al-Din, Tingkatan 2 . Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Usul al-Din, Tingkatan 3 . Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Usul al-Din, Tingkatan 4 . Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Usul al-Din, Tingkatan 1 . Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Usul al-Din, Tingkatan 5 . Putrajaya
- Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton Zakaria & Wan Muhamad Wan Abdullah. 2012. Mengapa pelajar takut bertanya dalam kuliah: Sebuah kajian di Universiti Malaysia Kelantan. Jurnal Personalia Pelajar 15:13-22
- Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor Klang, 2020. Pengenalan Profil Sekolah, atas talian <http://mitstklang.edu.my/>

- Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin & Mohd Akil Muhamed Ali (2017) Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. *Jurnal al-Turath*; Vol. 2, No. 1; 2017, hal : 10-19.
- Mohd Nawawi, M. Z. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/3770>
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. 2010. 'Ulum al-Hadith. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka. hal. 2
- Muhammad Fairuz bin A. Adi, Mohd Khafidz bin Soroni, Rosni binti Wazir, Mohd Norzi bin Nasir, Nor Asyikin Hasan Adali (2016) Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadis Di Masjid-Masjid Negeri Selangor. E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016, 25th April 2016, Federal Hotel, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Organized by Hadith Research Institute (Institut Kajian Hadith-INHAD)
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke 21. *Proceedings of the International Conference on Islamic and Technology Management*. UNIZA.
- Osman, B. H. A., & Basar, M. N. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke 21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Jilid 10.
- Reka Wibawa. 2010. Metod Pembelajaran Hadis dan Pengaruhnya Terhadap Minat Belajar Siswa di SMP Riyadlul Jannah. Tesis Sarjana, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta
- Syed Najihuddin Syed Hassan. 2009. Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadis. Conference: Seminar Takhrij Hadith Nusantara (SITAH09) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya